

18/06/1999

Perpaduan di Pahang utuh

Shariffudin Mohamed

PENUBUHAN Umno di Pahang ada kaitan dengan gerakan Persatuan Melayu Pahang yang dihidupkan semula pada 1946 dengan diketuai Datuk Hussein Mohd Taib, ayah Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak.

Ini berikutan kebanyakan pemimpin Melayu menganggotai persatuan itu bagi menentang penjajahan Inggeris selain membela nasib orang Melayu yang ditindas.

Antaranya Tengku Muhammad Sultan Ahmad, Imam Mohd Kawi Ali Hanapiah, Tun Abdul Razak, Abdul Rahman Ismail, Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Yahya Mohd Seth dan Ibrahim Yaakub. Persatuan itu turut disertai pemimpin masyarakat seperti ketua kampung, imam masjid dan guru.

Bagi menentang gagasan Malayan Union, persatuan itu menghantar enam wakilnya iaitu Mohd Yassin Mohd Salleh, Sharif Daud, Abdul Rahman Talib, Mokhtar Daud, Jaafar Mohd Nor dan Yahya menghadiri Kongres Melayu Pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946.

Ini sekali gus merealisasikan pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) yang diketuai Datuk Onn Jaafar. Pada 1949, Umno meluaskan sayapnya ke Pahang dengan penubuhan dua bahagian Pahang Barat dan Pahang Selatan manakala Pahang Timur ditubuhkan setahun kemudian.

Dengan tertubuhnya Umno di Pahang, Persatuan Melayu Pahang dibubarkan kerana semua ahlinya menyertai parti politik orang Melayu itu untuk meneruskan perjuangan mencapai kemerdekaan.

Tun Abdul Razak adalah tokoh paling menyerlah daripada Umno Pahang. Selepas empat bulan penubuhan Umno, beliau dilantik sebagai ketua pemuda sebelum menjadi timbalan presiden ketika berusia 29 tahun pada 1951.

Beliau yang pernah memangku jawatan Menteri Besar Pahang beberapa bulan pada 1955, menjadi orang penting dalam rombongan ke London untuk mendesak British memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Sebagai menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman, beliau merangka pelbagai rancangan, termasuk mengeluarkan Penyata Razak. Beliau turut bertanggungjawab memodenkan kawasan desa menerusi dasar pembangunan negara melalui pelancaran projek Buku Merah yang berkaitan Pembangunan Luar Bandar bagi membasmi kemiskinan.

Di samping itu, Abdul Razak mengambil langkah memperbanyakkan peluang persekolahan dan perniagaan untuk rakyat, terutama orang Melayu. Abdul Razak diberi peranan penting oleh Tunku dalam menangani masalah Darurat dalam negara ketika terjadi rusuhan kaum di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969. Beliau menjadi Perdana Menteri menggantikan Tunku Abdul Rahman pada 22 September 1970.

Seorang lagi tokoh Umno Pahang yang banyak berjasa kepada negara ialah Abdul Rahman Talib. Beliau pernah menyertai gerakan menuntut kemerdekaan melalui Kesatuan Melayu Muda ketika berkursus di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dari tahun 1937 hingga 1940.

Abdul Rahman adalah seorang daripada pemimpin Melayu yang lantang menggesa Umno menuntut segera kemerdekaan daripada Inggeris apabila Tunku menjadi Presiden Umno. Apabila menyertai Kabinet Tunku, beliau memegang pelbagai portfolio antaranya Menteri Pengangkutan, Menteri Kesihatan dan Menteri Pelajaran. Ketika menjadi Menteri Pelajaran, beliau mempengerusikan satu jawatankuasa bagi mengkaji dasar pelajaran negara yang dikenali sebagai Penyata Razak.

Hasilnya, dasar yang baru dikeluarkan dikenali sebagai Penyata Rahman

Talib. Melihat ketokohan bekas pemimpin Umno Pahang, ternyata negeri itu tidak ketandusan pemimpin pelapis sehingga sekarang, malah boleh diketengahkan menjadi pemimpin di peringkat pusat di Kuala Lumpur.

Contohnya, kini Umno Pahang mempunyai tiga menteri dan seorang timbalan menteri. Mereka ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman. Najib ialah naib presiden parti, Mohd Khalil bersama Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Hasan Arifin ialah ahli Majlis Tertinggi Umno manakala Siti Zaharah ialah Ketua Pergerakan Wanita negeri.

Pelantikan Mohd Khalil sebagai Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno baru-baru ini dilihat sebagai usaha Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menguatkan jentera kerajaan dan parti bagi menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

Sumbangan Mohd Khalil kepada kejayaan Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya negeri Sabah lalu turut dikatakan menjadi penyebab penting kepada pelantikan itu. Beliau, ketika itu Menteri Besar Pahang bekerja di belakang tabir sebagai Pengarah Operasi Pilihan Raya BN.

Dari segi pembangunan, Mohd Khalil sepanjang 13 tahun menjadi Menteri Besar bukan saja menekankan kepentingan memajukan pertanian, malah banyak membawa masuk pelaburan asing bagi menjadikan Pahang sebagai pusat kilang petrokimia.

Beliau juga berjaya mengukuhkan perpaduan ahli Umno selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, termasuk menjamin BN menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kecuali di Triang dalam pilihan raya umum pada 1995.

Kini, beliau terus diberi kepercayaan menjadi pengerusi Umno dan BN Pahang bagi menghadapi pilihan raya umum nanti untuk membantu Menteri Besar yang baru, Datuk Adnan Yaakob.

Walaupun isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipergunakan pembangkang untuk meraih pengaruh, pembangkang diramal sukar mendapat tempat di kalangan pengundi di negeri itu. Ini berikutan kekuatan BN yang diterajui Umno tidak mudah digugat di Pahang.

Perpaduan ahli Umno ternyata jitu di bawah Mohd Khalil sungguhpun ada masalah di peringkat bahagian dan cawangan yang diselesaikan secara perundingan.

Pertukaran Menteri Besar secara licin baru-baru ini menggambarkan kekuatan perpaduan ahli Umno dengan mereka memberi sokongan kepada pemilihan Adnan sebagai Menteri Besar yang baru. Semua ahli Exco Kerajaan Negeri yang dipilih Adnan berjanji memberi kerjasama sepenuhnya kepada beliau.

(END)